


1. Jumlah Tenaga Elektrik (nett) yang dijana oleh TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2013


Loji Penjanaan	GWh
TNB	5,826.38
IPP	20,882.54



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2013

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	43.34	43.86
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	26.65	27.40
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	35.68
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	26.58	33.02


Kecekapan Thermal seperti yang ditunjukkan pada graf adalah berdasarkan *Higher Heating Value* (HHV). Secara keseluruhannya, data menunjukkan prestasi yang baik bagi setiap loji penjanaan milik TNB dan IPP. Bagi Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas), operasi loji penjanaan milik IPP beroperasi dengan lebih kerap dan konsisten yang mana menjadi faktor utama kepada tahap kecekapan thermal yang lebih baik berbanding loji penjanaan milik TNB.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2013

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	89.56	95.08
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	98.79	94.75
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	82.93
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	83.53	89.03
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	94.85	-
Purata EAF		91.06


Secara keseluruhannya, tahap EAF berada pada paras yang memuaskan dimana purata EAF bagi Q1 melebihi aras 90%. EAF yang agak rendah direkodkan oleh Loji Penjanaan Arang batu berikutan terdapat beberapa henti tugas terancang dan tidak dirancang direkodkan sepanjang Q1.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2013

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	6.36	3.61
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	0.64	2.31
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	11.73
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	3.76
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	4.81	-
Purata EPOF		4.75

Kadar EPOF sepanjang Q1 berada pada tahap yang agak rendah dimana hanya Loji Penjanaan Arang Batu sahaja yang merekodkan tahap EPOF yang agak tinggi. Keadaan ini adalah berikutan terdapat aktiviti *Major Overhaul*, *Minor Overhaul* serta *DOSH Inspection* yang dilaksanakan di beberapa stesen janakuasa.



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2013

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	4.08	0.72
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	0.57	2.98
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	5.22
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	16.47	7.20
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	0.35	-
Purata EUOF		3.02

Secara purata, kadar EUOF bagi Loji-Loji penjanaan di Semenanjung Malaysia berada pada tahap yang baik dimana berada dibawah sasaran PPA kecuali bagi Loji Penjanaan Konvensional (Minyak / Gas). Masalah utama yang dihadapi oleh loji penjanaan ini pada Q1 adalah masalah *tube leak* dan *generator stator earth fault*.

